

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BILANGAN 3 TAHUN 1990**

**PINDAAN KEPADA SEKATAN KEPENTINGAN DI BAWAH
SEKSYEN 120 KANUN TANAH NEGARA DI ATAS TANAH-TANAH YANG
TELAH DIBERIMILIK BAGI MEMBOLEHKAN TUAN TANAH MENGGADAI
TANAH BERKENAAN KEPADA BADAN DAN INSTITUT KEWANGAN YANG
DISENARAikan DI DALAM JADUAL D ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930 DAN
JADUAL 26A ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938**

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 27.6.1990 semasa menimbang Kertas Bil. 13/407/90(31) telah membuat keputusan bahawa tanah-tanah yang ada Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara dibenarkan tuan tanah menggadai tanah berkenaan kepada Badan dan Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 untuk kegunaan sendiri.

2. Di dalam persidangan yang sama Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meluluskan beberapa badan baru untuk dimasukkan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan perkara ini telah diberitahu kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Kelantan Bil. 8 Tahun 1990.

3. Memandang kepada kelulusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan bahawa tanah-tanah yang ada Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara boleh digadaikan kepada Badan dan Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D dan Jadual 26A maka semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil tindakan ke atas semua daftar hakmilik tanah sama ada tanah-tanah yang masih dipegang di bawah hakmilik sementara atau hakmilik kekal seperti berikut :-

(a) Cara Meminda

Tanah-tanah milik mempunyai Sekatan Kepentingan seperti berikut :-

“(i) Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, digadai atau dibuat sebarang urusan niaga tanpa mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu”.

Dengan cara ditambah satu perenggan lagi kepada Sekatan Kepentingan tersebut seperti berikut :-

“Sekatan (i) adalah dikecualikan bagi maksud gadaian tanah ini kepada Bank atau Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan bagi membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri.”

(b) Penyediaan Cop

Sekatan Kepentingan itu hendaklah dibuat dengan cara dibuat satu cara yang mengandungi seni kata seperti berikut :-

“Sekatan (i) adalah dikecualikan bagi maksud gadaian tanah ini kepada Bank atau Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri”. [Keputusan M.M.K. pada 27.6.1990 mengikut Kertas Bil. 13/407/90(31)]- Arahan PTG.Bil 3/90

(c) Memasukkan Sekatan Kepentingan Baru Di Dalam Daftar Hakmilik

Sekatan Kepentingan ini hendaklah dicopkan di dalam semua daftar hakmilik sama ada RDT atau IDT dan oleh sebab kebanyakan IDT telah dikeluarkan maka cop itu bolehlah dimasukkan ke dalam RDT dahulu dan dimasukkan ke dalam IDT bila tuan-tuan tanah membawanya untuk sesuatu urusan urusan niaga.

4. Perlu ditegaskan disini bahawa kelonggaran ini hanya untuk membolehkan tuan tanah menggadai tanah-tanah berkenaan kepada Badan atau Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D dan Jadual 26A untuk membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri. Andainya tuan tanah hendak menggadai tanah berkenaan bagi membolehkan pihak ketiga mendapat pinjaman maka sekatan di bawah Seksyen 120 KTN masih dipakai. Dengan kata lain sekiranya tuan tanah hendak menggadai tanah berkenaan bagi membolehkan pinjaman kepada pihak ketiga, kelulusan di bawah Seksyen 120 KTN masih diperlukan untuk membolehkan tuan tanah menggadai tanah berkenaan.

5. Arahan ini dikuatkuasa serta merta bagi Badan atau Institusi Kewangan yang telah sedia ada di dalam Jadual D Enakmrn Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan mulai tarikh pewartaan bagi badan-badan dan Institusi Kewangan yang bakal disenaraikan mengikut Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 8 Tahun 1990.

t.t

(Tengku Elias bin Tengku Mahmood)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU

BERTARIKH : 14HB. JULAI, 1990

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

FAIL: P.T.G.KN.SULIT 23/3/1/JLD.2 (38)

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Menteri Besar, Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang, Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri, Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan